

Media Title : Kosmo  
Headline : Wanita rugi RM238,000 ditipu pegawai polis palsu  
Date : 15 November 2024  
Section : Negara!  
Page : 17



# Wanita rugi RM238,000 ditipu pegawai polis palsu


**KOTA TINGGI** – Hanya kerana terlalu percaya, seorang pekerja swasta mengalami kerugian RM238,000 selepas terpedaya dengan sindiket phone scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendant Yusof Othman berkata, pihak polis menerima satu laporan polis berhubung kes penipuan itu pada Rabu lalu melibatkan wanita tempatan ber-

sia 48 tahun.

Katanya, mangsa mengalami kerugian sebanyak RM238,000 selepas melakukan 22 transaksi pemindahan wang ke dalam enam akaun penerima berbeza.

"Kejadian bermula pada Ogos lalu apabila mangsa telah dihubungi suspek yang mengaku daripada syarikat kurier yang memaklumkan terdapat bungkus yang telah dihantar oleh wanita itu.



"Mangsa menafikan berkaitan bungkus itu sebelum panggilan disambungkan kepada se-

orang lagi suspek yang mendakwa dirinya seorang pegawai polis.

"Pegawai polis itu kemudian mendakwa mangsa telah terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram," katanya.

Menurutnya, mangsa telah diminta untuk membantu siasatan pihak polis dan diarahkan untuk membuat pinjaman peribadi berjumlah hampir RM250,000 dari September hingga Oktober lalu.

Menurutnya, mangsa kemu-

dian diarahkan untuk melakukan pemindahan wang sehingga jumlah keseluruhan transaksi mencecah RM238,000.

"Mangsa hanya mengikut arahan, namun menyedari dirinya telah ditipu apabila suspek tidak memberikan sebarang maklum balas berhubung penyelesaian tuduhan pengubahan wang haram yang dikenakan ke atasnya walaupun telah membuat pembayaran," ujarnya.